

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN  
(BAYAN BARU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 05.11.2015**

**Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Rakyat Malaysia telah menerima baik GST, nyatakan sebab dan keputusan survei dan kaji selidik kerajaan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas lebih enam bulan pelaksanaan GST, secara amnya rakyat menerima baik pelaksanaan GST dan sedang berada di tahap penyesuaian pelaksanaan GST yang dijangka mengambil masa antara enam bulan hingga setahun di tahap awal pelaksanaannya.

Rata-rata rakyat sudah mula menerima GST di mana aduan kepada JKDM dan KPDNKK telah mengalami pengurangan pada bulan April hingga Jun 2015 berbanding bulan Julai hingga September 2015. Bagi tempoh Julai hingga September 2015, JKDM telah mencatatkan sebanyak **572** aduan sahaja berbanding tempoh April hingga Jun 2015 yang telah mencatatkan sebanyak **5,873** aduan. Bagi KPDNKK pula, hanya **768** aduan sahaja telah dicatatkan bagi tempoh Julai hingga September 2015 berbanding **10,370** aduan pada bulan April hingga Jun 2015 yang lalu. Penurunan ini adalah kerana pemahaman pengguna dan peniaga telah meningkat dan Kerajaan menjangkakan bahawa *trend* ini akan berterusan apabila peniaga dan orang ramai lebih memahami GST dan pelaksanaannya.

Kerajaan akan terus menambahbaik pelaksanaan GST supaya dilaksanakan dengan cekap dan tidak membebankan rakyat.